

Musa: Politik bank harus ditentang...

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menyatakan kebimbangannya terhadap sistem bank yang digunakan sebagai senjata menyelesaikan pertikaian politik di kalangan beberapa negara.

Tegasnya, pembekuan harta-harta kewangan negara-negara asing dalam bank-bank perdagangan menyebabkan pencarum-pencarum membeza-bezakan pusat kewangan antarabangsa

yang bebas dari campur tangan politik dan sebaliknya.

Pemilihan seperti itu menimbulkan ketidakyakinan dalam hubungan bank antarabangsa.

Datuk Musa berkata, politik bank antarabangsa di negara-negara membangun seperti Malaysia adalah 'trend' yang harus ditentang.

Ini boleh dilakukan atas kesedaran kumpulan-kumpulan bank itu sendiri dan kerjasama serta kata sepakat dunia keseluruhannya. Ia tidak boleh dilakukan oleh sesebuah negara sahaja

walaupun bagaimana kuat sekalipun pengaruhnya.

Datuk Musa menyatakan perkara tersebut ketika berucap dalam mesyuarat di Euromarket Institute di Vienna mengenai 'Politik dan Bank', kelmarin.

Dalam teks ucapan yang dikeluarkan di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata, perkembangan politik di utara menimbulkan peningkatan politik dalam perdagangan dan kewangan antarabangsa dengan meninggalkan kesan serius terhadap dunia.

Perkembangan yang menjadi kebimbangan sejagat ialah usaha terbaru menggunakan bank antarabangsa dan agensi pembangunan 'multilateral' sebagai alat dasar luar sesebuah negara.

Datuk Musa berkata, dalam keadaan dunia yang sukar ini, adalah perlu bagi negara-negara maju dan membangun bekerjasama menyelesaikan masalah dunia.

Masalah

Malangnya, Datuk Musa menegur, setengah kerajaan di negara-negara perindustrian yang kaya mengambil sikap mementingkan diri sendiri sebelum mengubah perhatian terhadap masalah dunia.

Akibat dari alasan politik dan halangan belanjawan, aliran kerjasama dua hala dalam bentuk bantuan dan sokongan kewangan bagi agensi 'multilateral' seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan lain-lain telah berkurangan.

Datuk Musa berkata, Malaysia percaya bahawa pertahanan terhadap kemelesetan antarabangsa ialah berdiri di atas kaki sendiri, meningkatkan daya pengeluaran dan pada masa yang sama bekerja kuat serta disiplin dalam mengendalikannya kewangan.

Jelasnya, itulah sebabnya Malaysia mengubah haluan ke timur.

Beliau seterusnya menjelaskan, keadaan minyak terakhir menimbulkan beban kepada negara-negara yang mempunyai sumber terhadap negara-negara yang tidak mengeluarkan hasil minyak.

Penyesuaian semula memerlukan masa berhubung dengan keadaan politik dan sosio-ekonomi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia